



BUKU PANDUAN RINGKAS PENGURUSAN & PENGENDALIAN BAYARAN

**PEJABAT BENDAHARI
UNIVERSITI TEKNOLOGI MALAYSIA**

JUN 2006

INDEX

Perkara	Muka Surat
1.0 Tujuan	1
2.0 Pengurusan & Pengendalian Bayaran	2
2.1 Tanggungjawab Pengurusan Kewangan di Pusat Tanggungjawab/ Fakulti / Bahagian.	2
2.1.1 Tanggungjawab Pegawai Pengawal Peruntukan/ Perbelanjaan di Peringkat PTJ/ Fakulti/ Bahagian.	2
2.1.2 Tanggungjawab Ketua Jabatan/ Pegawai yang mengawal perbelanjaan di Jabatan/ Unit/ Sub Unit dalam PTJ.	2
2.1.3 Tanggungjawab Pegawai yang menerbitkan Borang No. Siri Pembayaran.	3
2.1.4 Tanggungjawab Pegawai yang Mengakaun/ Pengurusan Panjar Wang Runcit.	4
2.2 Tanggungjawab Pembekal Perkhidmatan/ Bekalan	4
2.3 Tanggungjawab Staf yang Menerima Bayaran	7
2.4 Tanggungjawab Pegawai Kewangan di Pejabat Pembayar	8
2.4.1 Menerima Permohonan Borang No. Siri Pembayaran	9
2.4.2 Menyemak dan menyediakan baucer/ jernal bayaran.	9
2.4.3 Menyemak dan meluluskan baucer/ jernal	10

	bayaran.	
	2.4.4 Mencetak dan Mengedarkan cek.	12
3.0	Perkhidmatan Bayaran yang Disediakan	13
3.1	Bayaran Pelbagai Perbelanjaan Perkhidmatan/ Pembekalan	13
3.2	Bayaran Elaun- elaun Mengikut Perintah-perintah Am –Bab B	15
3.2.1	Bayaran Elaun-elaun Kerana Menjalankan Tugas Rasmi	15
3.2.2	Bayaran Elaun-elaun Kerana Menghadiri Kursus/ Seminar	22
3.2.3	Kemudahan Pendahuluan Diri/Perjalanan dan Pendahuluan Pelbagai	32
3.2.4	Bayaran Elaun Pindah & Pertukaran	36
3.3	Bayaran Elaun Pakaian	43
3.4	Bayaran Balik Perbelanjaan	45
3.5	Bayaran Pelbagai Pendapatan Bukan Saraan	49
3.6	Bayaran Panjar Wang Runcit	55
JADUAL		63

1.0 Tujuan

Tujuan Panduan Ringkas Pengendalian dan Pengurusan Bayaran ini dihasilkan ialah sebagai panduan bagi memantapkan dan memudahcara pengurusan bayaran Universiti Teknologi Malaysia. Melalui panduan ini, staf, pembekal dan individu yang terlibat dalam pengurusan bayaran akan lebih memahami tanggungjawab dan peranan yang harus dijalankan oleh mereka. Ini seterusnya diharapkan dapat mempercepatkan proses pembayaran kepada staf, pembekal dan individu berkenaan dan secara tidak langsung mengurangkan kelewatan bayaran, meningkatkan integriti pengurusan kewangan Universiti agar lebih cekap dan telus dan memangkinkan ekonomi negara dengan pengaliran bayaran wang kerajaan kepada kakitangan kerajaan dan usahawan bumiputra khususnya.

2.0 Pengurusan & Pengendalian Bayaran

2.1 Tanggungjawab Pengurusan Kewangan di Pusat Tanggungjawab/ Fakulti / Bahagian.

2.1.1 Tanggungjawab Pegawai Pengawal Peruntukan/ Perbelanjaan di Peringkat PTJ/ Fakulti/ Bahagian.

Pegawai Pengawal Peruntukan/ Perbelanjaan di Peringkat Fakulti adalah Dekan dan di Peringkat Bahagian adalah Ketua Bahagian/Pejabat(contohnya Pendaftar, Bendahari, Pustakawan). Walaubagaimanapun kuasa mengawal peruntukan/ perbelanjaan ini diperturunkan kepada Pegawai Pentadbiran yang dinamakan seperti Timbalan Dekan, Timbalan Pendaftar, Penolong Pendaftar bagi memastikan aktiviti pengurusan kewangan di PTJ berjalan lancar. Di mana pegawai yang dinamakan inilah sahaja yang diberi kuasa untuk menandatangani Permohonan Borang No. Siri Pembayaran bagi tujuan arahan pembayaran ke Pejabat Bendahari. Ini bermaksud belanjawan, kawalan perbelanjaan, pengurusan buku vot di PTJ merupakan tanggungjawab pegawai berkenaan.

2.1.2 Tanggungjawab Ketua Jabatan/ Pegawai yang mengawal perbelanjaan di Jabatan/ Unit/ Sub Unit dalam PTJ.

Pusat Tanggungjawab/ Fakulti/ Bahagian terbahagi kepada beberapa Jabatan/ Unit/ Sub Unit mengikut keperluan pengurusan PTJ berkenaan. Oleh itu, setiap permohonan bayaran iaitu Invois, Nota Hantaran, borang tuntutan perlulah disahkan dan disokong kebenaran/ ketepatan maklumat perbelanjaan oleh Ketua Jabatan/

Pegawai berkenaan. Ini kerana ia berada dalam ruang lingkup kawalan dan tanggungjawab beliau. Contohnya perbelanjaan pembelian alatan marin, Invoisi dan Nota Hantaran harus disahkan oleh Ketua Jabatan Kejuruteraan Marin. Oleh itu, pegawai sebelum membuat pengesahan dan menurunkan tandatangan perlu memastikan ketepatan dokumen/ maklumat(Invoisi, Nota Hantaran, Pesanan Tempatan) bagi arahan pembayaran berkenaan. Beliau perlu memastikan bekalan/ perkhidmatan telah disempurnakan sebaik mungkin oleh pembekal. Setelah dokumen pembayaran berkenaan disahkan ia perlu dikemukakan kepada Pegawai yang menerbitkan Borang No. Siri Pembayaran bagi tujuan proses bayaran.

2.1.3 Tanggungjawab Pegawai yang menerbitkan Borang No. Siri Pembayaran.

- Pegawai yang menerbitkan Borang No. Siri Pembayaran biasanya adalah Pembantu Tadbir Kewangan di PTJ/ Fakulti/ Bahagian yang berikan kebenaran atau "Access Right" memasuki Panel Sistem Maklumat Kewangan Universiti(SMW) untuk menerbitkan Borang No. Siri Pembayaran. Apabila Borang No. Siri Pembayaran berjaya diterbitkan, peruntukan kewangan PTJ akan dikurangkan dalam sistem. Borang No. Siri Pembayaran bersama dokumen/ maklumat(Invoisi, Nota Hantaran, Pesanan Tempatan) perlu dikemukakan kepada Pegawai Pengawal Peruntukan/ Perbelanjaan di Peringkat PTJ/ Fakulti/ Bahagian bagi pengesahan kawalan arahan pembayaran.

- Pembantu Tadbir Kewangan yang menerbitkan Borang No. Siri juga akan menerima Lejar Bulanan dari Bahagian Akaun, Penerimaan & Perlaburan, Pejabat Bendahari dan Laporan Perbelanjaan Bulanan dari Unit Bayaran setiap bulan bagi tujuan pemantauan dan kawalan perbelanjaan sebenar dan prestasi Pusat Tanggungjawab.

2.1.4 Tanggungjawab Pegawai yang Mengakaun/ Pengurusan Panjar Wang Runcit.

- Pegawai yang mengakaun/ pengurusan Panjar Wang Runcit biasanya adalah Pembantu Tadbir Kewangan di PTJ/ Fakulti/ Bahagian yang dinamakan. Di mana cek rekupmen panjar wang runcit akan dibayar atas nama beliau bagi membolehkan cek tersebut dibatal palang di Bank Bumiputra Commerce Berhad, Cawangan UTM Skudai bagi kegunaan runcit PTJ sahaja.
- Pegawai yang mengakaun/ pengurusan Panjar Wang Runcit juga bertanggungjawab bagi menguruskan proses rekupmen panjar wang runcit. Rujuk Panduan Pengurusan Panjar Wang Runcit.

2.2 Tanggungjawab Pembekal Perkhidmatan/ Bekalan

2.2.1 Memberikan/ menyempurnakan perkhidmatan/ bekalan yang baik dan berkesan.

Pembekal perlulah menyempurnakan terlebih dahulu segala urusniaganya iaitu perkhidmatan/ pembekalan dengan UTM dengan selesai dan jayanya sebelum pembayaran boleh dibuat. Tiada apa-apa pembayaran akan dibuat selagi perkhidmatan/ pembekalan tidak

dimanafaat/ didapati oleh UTM.(kecuali bagi pembayaran tertentu yang dinamakan sahaja).

Wakil dari UTM perlu memastikan perkhidmatan/ pembekalan yang telah disediakan/ diberikan oleh pembekal sesempurnanya dan berpuashati dengan kualiti, tahap dan mutu perkhidmatan/ pembekalan berkenaan sebelum mengesahkan tuntutan untuk tujuan bayaran.

2.2.2 Memberikan maklumat yang tepat berkenaan bayaran

Pembekal yang telah menyempurnakan pembekalan/ perkhidmatan hendaklah mengemukakan Invois dan Nota Hantaran kepada Pusat Tanggungjawab/ Fakulti/ Bahagian dimana urusan dilakukan yang mengandungi maklumat transaksi yang tepat.

Maklumat yang diperlukan ialah seperti berikut:-

- (i) Nama perniagaan yang tepat dimana cek bayaran akan dibayar atas nama perniagaan berkenaan. Cek atas nama individu perseorangan adalah tidak dibenarkan.
- (ii) Alamat perniagaan dimana cek akan dihantar.
- (iii) Jumlah tuntutan bayaran seperti di Pesanan Tempatan(kecuali ada pembetulan pertambahan/ pengurangan amoun yang ditandatangani oleh pembekal di bahagian tepi pembetulan tersebut)
- (iv) Tarikh invois dikeluarkan.
- (v) Invois yang dikeluarkan oleh Pembekal ditandatangani oleh wakil pembekal.
- (vi) No. Invois.
- (vii) Tarikh penghantaran disempurnakan di Nota Hantaran.

(viii) Jika bayaran melalui Pemfaktoran., No. Akaun Bank harus yang betul dan tepat. Cop Agen Pemfaktoran diperlukan tertera pada Invois. Pejabat Bendahari tidak akan bertanggungjawab terhadap kesilapan No. Akaun Bank jika berlaku apa-apa perkara berbangkit.

2.2.3 Mengemukakan tuntutan bayaran (invois) bagi urusan yang dilaksanakan dalam tempoh kurang 1 bulan dari tarikh pembekalan disempurnakan.

2.2.4 Membuat semakan bayaran (follow up di PTJ/ PBUTM) jika pembayaran tidak diselesaikan oleh UTM selepas 2 bulan pembekalan disempurnakan dan masih tiada bayaran dibuat. Ini bagi mengelakkan kes bayaran terlepas pandang atau hal yang tidak diingini berlaku.

2.2.5 Jika tuntutan (invois/ nota hantaran/ pesanan tempatan) yang dikemukakan ke PTJ didapati telah hilang, dan PTJ telah berusaha mengesan dokumen berkenaan dan pembayaran urusan berkenaan telah tidak disempurnakan dalam masa 1 bulan selepas pembekalan disempurnakan, pembekal boleh membuat tuntutan semula dengan mengemukakan **(i) salinan fotokopi (invois/ nota hantaran/ pesanan tempatan) dari salinan pendua pembekal; (ii) Salinan Laporan Polis - Kehilangan Dokumen (bagi nilai invois melebihi RM500.00 dan ke atas) dan (iii) Surat Akuan Sumpah Hilang Dokumen Asal yang ditandatangani di hadapan Pesuruhjaya Sumpah Berdaftar.** Kos bayaran pengurusan tuntutan semula berkenaan di atas tidak ditanggung oleh UTM.

2.3 Tanggungjawab Staf yang Menerima Bayaran

- 2.3.1 Mengemukakan maklumat yang tepat dan benar dalam tuntutan berkeñaan.
- 2.3.2 Mengemukakan borang tuntutan bayaran dalam tempoh 2 minggu dari tarikh akhir perjalanan/ program.
- 2.3.3 Mengambil langkah-langkah wajar bagi memastikan tuntutan telah disahkan/ sokong oleh pegawai yang bertanggungjawab dan Permohonan Borang No. Siri Pembayaran telah diterbitkan dan dihantar ke Pejabat Bendahari untuk proses bayaran.
- 2.3.4 Membuat semakan bayaran(follow up di PTJ/ PBUTM) jika pembayaran tidak diselesaikan oleh UTM selepas 2 minggu permohonan tuntutan dikemukakan kepada Pentadbiran Pusat Tanggungjawab/ Fakulti/ Bahagian. Ini bagi mengelakkan kes bayaran terlepas pandang atau hal yang tidak diinginkan berlaku.
- 2.3.5 Jika tuntutan yang dikemukakan ke PTJ didapati telah hilang, dan PTJ telah berusaha mengesan dokumen berkeñaan dan tuntutan berkeñaan telah tidak dibayar dalam masa 1 bulan selepas perjalanan/ program selesai, staf boleh membuat tuntutan semula dengan mengemukakan salinan fotokopi (cash bill, resit, dokumen bukti pembayaran) dan Surat Akuan Sumpah Hilang Dokumen Asal yang ditandatangani di hadapan Pesuruhjaya Sumpah Berdaftar. Kos bayaran pengurusan Surat Akuan Sumpah Hilang Dokumen Asal tidak ditanggung oleh UTM.

2.4 Tanggungjawab Pegawai Kewangan di Pejabat Pembayar

Pengurusan bayaran Universiti dikendalikan oleh lima Bah/Unit yang berasingan mengikut peruntukan/geran kewangan iaitu:

Bil	Bah/Unit	Lokasi	Peruntukan	Fungsi
1.	Unit Bayaran	Pej. Bendahari	Mengurus	Menyediakan dan meluluskan baucer/jernal bayaran
2.	Unit Amanah & Analisa Kewangan	Pej. Bendahari	Amanah (Perundingan / Kursus/ Seminar)	
3.	Unit Kewangan SPACE	Pej. Pentadbiran SPACE UTM	Amanah (khusus vot-vot kelolaan SPACE)	
4.	Unit Kewangan RMC	Pej.Pentadbiran RMC UTM	Penyelidikan	
5.	Bah. Akaun, Penerimaan & Pelaburan	Pej. Bendahari	Semua peruntukan dari Bah/Unit Kewangan di UTM	

2.4.1 Menerima Permohonan Borang No. Siri Pembayaran

- Bagi arahan bayaran yang dibuat melalui Unit Bayaran dan Unit Amanah, Analisa Kewangan, Pejabat Bendahari, Borang No. Siri Permohonan Pembayaran hendaklah diterbitkan oleh Fakulti/ Bahagian.
- Permohonan Borang No. Siri Pembayaran yang lengkap dengan Dokumen Sokongan yang sepatutnya hendaklah dihantar kepada pegawai Operator Proses Data(OPD) di Unit Bayaran, Pejabat Bendahari bagi mendaftar terima maklumat arahan bayaran melalui Panel Sistem Maklumat Kewangan Universiti(SMW).
- Pegawai Operator Proses Data akan memastikan data Permohonan Borang No. Siri Pembayaran ada dalam Panel SMW. Beliau kemudiannya akan mengesahkan penerimaan di panel SMW dan mengecop tarikh terima di Pejabat Bendahari, sesalinan Borang No. Siri Pembayaran akan disimpan dan difailkan UB/001/Tahun/No. PTJ di Bilik Penolong Bendahari Unit Bayaran sebagai bukti penerimaan dokumen di Pejabat Bendahari.
- OPD kemudian menyerahkan Dokumen Pembayaran tersebut kepada Pembantu Tadbir Kewangan(PTK) yang berkaitan untuk Proses Penyediaan Baucer/ Jurnal Bayaran.

2.4.2 Menyemak dan menyediakan baucer/ jurnal bayaran.

- Pembantu Tadbir Kewangan(PTK) akan menerima Dokumen Pembayaran(iaitu Borang No. Siri dan dokumen sokongan) dan menyemak ketepatan maklumat pembayaran.

- Jika bayaran melibatkan pengiraan, PTK akan membuat pengiraan terlebih dahulu dan mengemukakan kepada Penolong Akauntan untuk menyemak awalan kiraan. Jika pembayaran tidak terlibat mengiraan, PTK akan memanggil (retrieve) **No. Borang Siri** di Panel SMW untuk mendapat maklumat arahan pembayaran dan membina buacer/ jurnal scratch bayaran di Panel SMW. Jika buacer / jurnal scratch berjaya dibina suatu **No.Baucer/Jurnal Scratch** akan diterbitkan sebagai rujukan.
- PTK akan mencetak buacer/ jurnal scratch berkenaan dan dikepilkan di Dokumen Pembayaran(iaitu Borang No. Siri dan dokumen sokongan).
- PTK kemudian menyerahkan buacer/ jurnal scratch bayaran tersebut bersama Dokumen Pembayaran(iaitu Borang No. Siri dan dokumen sokongan) kepada Penolong Akauntan(Pen. A) untuk kelulusan.

2.4.3 Menyemak dan meluluskan buacer/ jurnal bayaran.

- Penolong Akauntan(Pen.A) akan menerima buacer/ jurnal scratch bayaran tersebut bersama Dokumen Pembayaran(iaitu Borang No. Siri dan dokumen sokongan) dari PTK dan membuat penyemakan ketepatan maklumat mengikut peraturan dan pekeliling yang digunakan.
- Pen.A selaku pegawai Pembayar Pertama yang bertanggungjawab hendaklah sebelum membayar berpuas hati dan membuat awasan yang sewajarnya(Arahan Perbendaraan 93(i),(ii) & (iii)).
- Setelah mengambil langkah berhati-hati yang sewajarnya, Pen.A akan memanggil (retrieve) **No.Baucer/Jurnal**

Scratch dan meluluskan baucer/ jurnal bayaran di Panel SMW.

- Suatu **No. Baucer/Jernal Sebenar** akan di terbitkan dan nombor ini merupakan rujukan akhir arahan pembayaran tersebut yang mana digunakan untuk carian Baucer Sebenar jika terdapat apa-apa perkara berbangkit/ kemusykilan.
- Jika pembayaran adalah melalui baucer dan kurang RM20,000.00 ia akan diserahkan kepada Bahagian Akaun, Penerimaan & Perlaburan untuk proses cetakan cek.
- Jika jumlah baucer/ jurnal bayaran adalah melebihi RM20,000.00 dan ke atas, ia perlu diluluskan di Panel SMW oleh Penolong Bendahari(PBend).
- Penolong Bendahari(PBend) akan menerima buacer/jernal scratch bayaran tersebut bersama Dokumen Pembayaran(iaitu Borang No. Siri dan dokumen sokongan) dari PenA dan membuat penyemakan ketepatan maklumat mengikut peraturan dan pekeliling yang digunapakai.
- PBend selaku pegawai Pembayar Kedua yang bertanggungjawab hendaklah sebelum membayar berpuas hati dan membuat awasan yang sewajarnya(Arahan Perbendaraan 93(i),(ii) & (iii)).
- Setelah mengambil langkah berhati-hati yang sewajarnya, PBend akan memanggil **No.Baucer/Jernal Sebenar dan** meluluskan baucer/ jurnal bayaran di Panel SMW.
- Jika bayaran melalui baucer, Dokumen Pembayaran kemudiannya akan diserahkan kepada Bahagian Akaun, Penerimaan & Perlaburan untuk proses cetakan cek.

2.4.4 Mencetak dan Mengedarkan cek.

- Di Bahagian Akaun, Penerimaan & Perlaburan(BAPP), Baucer Scratch akan diterima oleh Pembantu Tadbir Kewangan(PTK) yang memproses cek.
- Beliau akan memanggil (retrieve) **No.Baucer Sebenar** untuk proses cetakan cek.
- Cek dicetakan dan keratan cek akan tertera **No.Baucer Sebenar** sebagai rujukan penerima bayaran kelak.
- Baucer Sebenar juga akan dicetak di BAPP dimana, cek yang telah dicetak akan dikepilkan bersama bagi proses menandatangani cek oleh Pegawai-pegawai Pejabat Bendahari yang dinamakan.
- Setelah cek ditandatangani, cek akan diasing untuk diedar/diposkan.
- Baucer Sebenar akan ditebuk "BAYAR" dan "TARIKH".
- Baucer Sebenar yang telah selesai ditebuk "BAYAR" dan "TARIKH" dihantar ke Unit Bayaran untuk pemfailan dokumen kewangan berpusat Universiti.

Secara amnya, proses penyediaan bayaran yang dikendalikan di Pejabat Bendahari jika Sistem Maklumat Kewangan(SMW) lancar, cek dapat disediakan dalam masa kurang 5 hari bagi bayaran kurang RM20,000.00 dan 5 - 8 hari jika bayaran lebih 20,000.00. Walaubagaimana ekoran Sistem Maklumat Kewangan(SMW) yang tidak stabil, Proses pembayaran akan mengalami gangguan dan cek pembayaran tidak dapat disediakan lebih awal dari 6 hari.

3.0 Perkhidmatan Bayaran yang Disediakan

3.1 Bayaran Pelbagai Perbelanjaan Perkhidmatan/ Pembekalan

Pejabat Bendahari memproses pelbagai perbelanjaan samada perkhidmatan/ pembekalan yang menepati syarat dan peraturan **Pekeliling Bendahari Bil 2 Tahun 2000 Aturcara Perolehan Universiti Teknologi Malaysia** yang digunapakai. Antara perkhidmatan/ pembekalan yang disediakan iaitu:

- (i) Bayaran melalui Pesanan Tempatan
 - iaitu samada melalui tatacara perolehan sebutharga atau tender.
- (ii) Bayaran Kerja
 - iaitu dari Pejabat Harta Bina
- (iii) Bayaran Inden
 - iaitu dari Pejabat Harta Bina
- (iv) Bayaran Buku dan Journal Perpustakaan
 - Bayaran pembelian Buku, Journal Online oleh PSZ.
- (v) Bayaran Penyewaan Perabot
 - Bayaran yang dikendalikan oleh Unit Pengurusan Perabot & Pelupusan
- (vi) Bayaran Pukal – (Utiliti)
 - bayaran penggunaan utiliti seperti, Syarikat Air Johor(SAJ), Tenaga Berhad(TNB), Telekom Berhad, dll.
- (vii) Bayaran Caruman Membantu Kadar – Pihak Berkuasa Tempatan dan Cukai Tanah.
- (viii) Bayaran Tiket Penerbangan – dari Pejabat Pendaftar(HRD)
 - bayaran bagi tiket penerbangan tertakluk kepada kepada peraturan kelayakan menaiki kapal terbang yang digunapakai oleh UTM iaitu:
 - Gred 53 dan ke atas : Kelas Business
 - Gred 27 sehingga 52 : Kelas Ekonomi
- (ix) Bayaran Klinik Panel UTM - dari Pejabat Pendaftar(UPS)
 - tertakluk kepada Skim Perubatan Staf Universiti Teknologi Malaysia yang digunapakai.

- (x) Pelbagai bayaran perkhidmatan yang dimanfaatkan oleh UTM.
- (xi) Pelbagai bayaran Pengiklanan yang dibenarkan.
 - seperti pengiklanan jawatan, tawaran kursus –kursus yang dianjurkan.
- (xii) Bayaran Pengauditan dan Khidmat Rundingan Kewangan.
 - iaitu dari Pejabat Bendahari.
- (xiii) Pelbagai Bayaran Perundangan.
 - iaitu dari Unit Pembangunan Sumber Manusia(HRD) dan Unit Undang-undang, Pejabat Canseleri.
- (xiv) Bayaran Sewaan/ Yuran Khidmat Internet/ Multimedia
 - MIMOS Bhd, SAS Institute S/B, IBM

3.2 Bayaran Elaun- elaun Mengikut Perintah-perintah Am –Bab B

3.2.1 Bayaran Elaun-elaun Kerana Menjalankan Tugas Rasmi

- Pemakaian peraturan berkenaan bayaran elaun-elaun kepada staf UTM kerana menjalankan tugas rasmi adalah berdasarkan kepada ***Pekeliling Perbendaharaan Bil 3 Tahun 2003, Pekeliling Perbendaharaan Bil 2 Tahun 2006*** dan ***Surat dari Kementerian Kewangan KK/BP10/687/698/656/1-1Jd.2(62) bertarikh 27 April 2006.***
- Ia merangkumi perjalanan staf menjalankan tugas rasmi di dalam negeri dan luar negeri.

Dalam Negeri

- Bagi perjalanan dalam negeri peraturan yang membolehkan bayaran **Elaun Makan, Elaun Harian, Bayaran Sewa Hotel** atau **Elaun Lojing** diberikan kepada staf apabila staf menjalankan tugas rasmi di **luar Ibu Pejabatnya**(tempat biasa seseorang pegawai melaporkan diri untuk bertugas yang lingkungan jarak pentadbirannya ialah 25km jika boleh dihubungi oleh jalanraya) dan tidak boleh dibayar untuk masa bertugas yang melebihi 3 bulan terus menerus termasuk hari kelepasan am dan mingguan. Kadar Kelayakan Elaun Makan, Elaun Harian, Bayaran Sewa Hotel atau Elaun Lojing adalah seperti di ***Jadual 1.***
- Jika **kemudahan makan** atau **tempat penginapan** atau **penggunaan kenderaan disediakan** oleh Kerajaan atau Penganjur, staf **tidak layak** menuntut Elaun Makan atau Bayaran Sewa Hotel atau Elaun Lojing atau Elaun Perjalanan Kenderaan mana yang berkaitan.
- Bagi **Elaun Makan** ia dibayar bagi tempoh menjalankan tugas rasmi **24 jam atau lebih** yang dikira mulai dari waktu bertolak. Sekiranya Elaun Makan disediakan oleh Penganjur dalam bentuk wang bagi menampung makan tersebut, maka staf layak menuntut perbezaannya dan jika sebahagian daripada kemudahan makan disediakan, staf hanya layak menuntut bahagian makan yang tidak disediakan tertakluk kepada kadar seperti berikut:

Sarapan Pagi	: 20%	Daripada Elaun Makan
Makan Tengah Hari	: 40%	Daripada Elaun Makan
Makan Malam	: 40%	Daripada Elaun Makan

- Bagi **Elaun Harian** ia dibayar bagi tempoh menjalankan tugas rasmi **melebihi 8 jam tetapi kurang 24 jam** dan kadarnya adalah **separuh** dari kelayakan Elaun Makan staf.
- **Bayaran Sewa Hotel** bagi staf hendaklah berpatutan, munasabah dan hendaklah disokong dengan **resit**. Bayaran perkhidmatan dan cukai perkhidmatan yang wajib ke atas sewa hotel sebagai tambahan kepada maksimum kelayakan staf layak dituntut.
- Seseorang staf dikehendaki menggunakan perkhidmatan kapal terbang atau kereta api bagi menjalankan tugas rasmi di tempat yang boleh dihubungi oleh kapal terbang atau kereta api mengikut kelayakan dan tertakluk kepada peraturan kelayakan menaiki kapal terbang yang digunapakai oleh UTM iaitu:
 - Gred 53 dan ke atas : Kelas Business
 - Gred 27 sehingga 52 : Kelas Ekonomi
- Bagi tujuan perjalanan staf Gred 26 dan ke bawah, staf boleh menaiki Kereta api atau Bas Express Kelas Dua.
- Bayaran **Elaun Perjalanan Kenderaan** layak dituntut oleh staf dalam keadaan berikut dimana peruntukan (b), (c) dan (d) dibawah memerlukan **kelulusan Ketua Jabatan** dilampirkan dengan tuntutan bayaran.
 - (a) Jika jarak di antara kedua-dua tempat adalah **kurang dari 240 km**;
 - (b) Apabila seseorang staf dikehendaki juga menjalankan tugas rasminya di **beberapa tempat di sepanjang perjalanan**;
 - © Apabila didapati **mustahak dan terpaksa** bagi seseorang staf berkenderaan sendiri; dan
 - (d) Apabila seseorang staf mustahak dan terpaksa **membawa pegawai lain** sebagai penumpang yang juga menjalankan tugas rasmi;
- Kadar kelayakan Elaun Perjalanan Kenderaan adalah seperti di **Jadual 2**.
- **Tambang Gantian** dibenarkan kepada staf yang menggunakan kenderaan sendiri untuk bertugas di satu tempat sahaja yang jaraknya **melebihi 240 km** daripada Ibu Pejabatnya dan **terdapat perkhidmatan terus kapal terbang atau keretapi**. Di mana tambang gantian yang dibayar adalah mengikut kadar tambang

pengangkutan yang sesuai dengan kelayakan staf berkenaan. Iaitu tambang gantian tersebut hendaklah bersamaan dengan tambang kapal terbang atau keretapi mengikut mana yang berkenaan dengan syarat menyatakan di dalam baucer tuntutan ia telah menggunakan kenderaan sendiri.

- Seseorang pegawai yang menuntut tambang gantian tidak layak menuntut apa-apa tambang atau bayaran tambahan yang bersabit dengan perjalanan kapal terbang atau keretapi seperti tambang dari rumah ke lapangan terbang/ stesen keretapi dan sebaliknya, tambang dari lapangan terbang/ stesen keretapi ke tempat penginapan dan sebaliknya, bayaran cukai lapangan terbang atau bayaran tempat tidur dalam keretapi (*berth charges*). Walaubagaimanapun pegawai layak menuntut elaun perjalanan kenderaan dari tempat lojing / hotel ke tempat bertugas.
- Staf layak menuntut **Tambang Pengangkutan Awam**, sekiranya beliau tidak menggunakan kenderaan sendiri atau kenderaan yang disediakan oleh kerajaan atau Penganjur bagi menjalankan tugas rasmi, sama ada di dalam atau diluar Ibu Pejabatnya seperti berikut:-

(a) Teksi : Tambang yang lazim
Kereta Sewa dikenakan bagi sesuatu
Bas perjalanan tersebut dan
Motobot disokong dengan resit
Jenis sekiranya resit ada
Pengangkutan dikeluarkan.
Lain Dalam Staf hanya layak menuntut
Kategori Ini tambang pengangkutan
awam yang lazim bagi
seorang ke tempat yang
diarahkan.

(b) Kereta Api : Mengikut Gred iaitu:-
Kapal Laut
Jenis
Pengangkutan
Lain Dalam
Kategori Ini

Gred	Kelas
27 dan ke atas	Satu
1 - 26	Dua

- Staf layak menuntut **Belanja Pelbagai** iaitu seperti berikut:-
 - (a) Bayaran telefon, telegram, bayaran pos dan bayaran faks atas urusan rasmi;
 - (b) Belanja dobi yang disokong dengan resit apabila pegawai menginap di luar Ibu Pejabat tidak kurang dari 3 malam
 - © Bayaran Cukai Lapangan terbang yang disokong dengan resit;
 - (d) Bayaran Excess Baggage untuk barang-barang rasmi yang disokong dengan resit; dan
 - (e) Bayaran letak kereta, tol dan tambnag feri yang disokong dengan resit.

Luar Negeri

- Bagi perjalanan luar negeri peraturan yang membolehkan bayaran **Elaun Makan, Elaun Harian, Bayaran Sewa Hotel** atau **Elaun Lojing** diberikan kepada staf apabila staf menjalankan tugas rasmi di luar negeri dan tidak boleh dibayar untuk masa bertugas yang melebihi 3 bulan terus menerus termasuk hari kelepasan am dan mingguan. Kadar Kelayakan Elaun Makan, Elaun Harian, Bayaran Sewa Hotel atau Elaun Lojing adalah seperti di *Jadual 3*.
- Jika **kemudahan makan** atau **tempat penginapan disediakan** oleh Kerajaan atau Penganjur, staf **tidak layak** menuntut Elaun Makan atau Bayaran Sewa Hotel atau Elaun Lojing mana yang berkaitan.
- Bagi **Elaun Makan** ia akan dibayar jika staf itu meninggalkan tempat bertugas rasmi di luar negeri **pada jam 6.00 petang atau selepasnya**.
- Sekiranya Elaun Makan disediakan oleh Penganjur dalam bentuk wang bagi menampung makan tersebut, maka staf layak menuntut perbezannya dan jika sebahagian daripada kemudahan makan disediakan, staf hanya layak menuntut bahagian makan yang tidak disediakan tertakluk kepada kadar seperti berikut:

Sarapan Pagi	: 20%	Daripada Elaun Makan
Makan Tengah Hari	: 40%	Daripada Elaun Makan
Makan Malam	: 40%	Daripada Elaun Makan
- Bagi **Elaun Harian** ia akan dibayar jika staf itu meninggalkan tempat bertugas di luar negeri pada **jam 1.00 tengah hari atau selepasnya tetapi sebelum jam 6.00 petang** dan kadarnya adalah **separuh** dari kelayakan Elaun Makan staf. Jika seseorang staf yang

sedang dalam perjalanan tetapi terpaksa menunggu penerbangan di sesuatu tempat di luar negeri yang tempohnya melebihi 6 jam adalah layak juga menuntut Elaun Harian.

- Bagi Bayaran Sewa Hotel staf layak menuntut atas kadar sebenar seperti di **Jadual 3**. Bagi maksud memohon pendahuluan Diri, kadar Bayaran Sewa Hotel atau Elaun Lojing seperti di **Jadual 4** boleh digunakan sebagai panduan.
- Bayaran perkhidmatan dan cukai perkhidmatan atau bayaran lain yang wajib ke atas sewa hotel adalah layak dituntut dan dikira sebagai sebahagian dari kadar Bayaran Sewa Hotel itu.
- Jika seseorang staf yang melakukan penerbangan melebihi dua belas (12) jam terus menerus, **Elaun Dan Bayaran Semasa Singgah Dalam Perjalanan** dibenarkan singgah bermalam untuk satu malam sahaja di sesuatu tempat dalam perjalanan itu, iaitu sekali semasa perjalanan pergi dan sekali dalam perjalanan pulang, dengan syarat perjalanan yang ditempuh (route) itu merupakan perjalanan yang diperakui paling singkat. Bagi tempoh persinggahan tersebut, pegawai adalah layak menuntut Elaun Makan atau Elaun Harian dan Bayaran Sewa Hotel/Elaun Lojing seperti yang dinyatakan di bagi perjalanan bertugas rasmi luar negeri di atas.
- Seseorang staf yang perlu singgah bermalam semasa dalam perjalanan disebabkan oleh ketiadaan kapal terbang atau kemudahan pengangkutan lain dan juga perbelanjaan bermalam itu **tidak diimbuhkan** oleh mana-mana syarikat penerbangan adalah **layak** juga menuntut **Elaun Makan** atau **Elaun Harian** dan **Bayaran Sewa Hotel/Elaun Lojing** seperti yang dinyatakan di bagi perjalanan bertugas rasmi luar negeri di atas.
- Seseorang Staf layak menuntut Belanja Pelbagai iaitu seperti berikut:
 - (a) tambang pengangkutan awam tempatan jika kenderaan tidak disediakan;
 - (b) bayaran telefon, telegram, bayaran pos dan bayaran faks atas urusan rasmi;
 - (c) belanja dobi yang disokong dengan resit;
 - (d) bayaran Cukai Lapangan Terbang yang disokong dengan resit;
 - (e) bayaran *Excess Baggage* untuk barang-barang

- (f) rasmi yang disokong dengan resit;
3% daripada jumlah tuntutan perjalanan sebagai gantirugi berkaitan dengan pertukaran kepada matawang asing;
 - (g) 15% daripada Elaun Makan bagi maksud bayaran *tips, gratuities* atau *portorage*;
 - (h) bayaran pasport antarabangsa dan visa yang disokong dengan resit;
- **Elaun Pakaian Panas** juga layak dituntut oleh staf iaitu sebanyak RM1,500 **sekali dalam tempoh tiga tahun** apabila dikehendaki bertugas di luar negeri di negara/kawasan beriklim sederhana/sejuk. Bagi tujuan pembayaran elaun ini, negara/kawasan beriklim sederhana/sejuk bermakna, **negara/kawasan yang terletak di utara Garisan Sartan (*Tropic of Cancer*) dan negara/kawasan yang terletak di selatan Garisan Jadi (*Tropic of Capricorn*)**. Elaun ini hendaklah dituntut sebelum staf pergi ke luar negeri atau selewat-lewatnya tiga bulan selepas pulang dari luar negeri. Peruntukan ini tidak termasuk staf yang berkhidmat di luar negeri yang tertakluk kepada arahan yang berasingan. Kelulusan elaun hendaklah dicatatkan di dalam Buku Perkhidmatan Staf tersebut.

SENARAI SEMAK

1. Perjalanan Dalam Negeri staf hendaklah menggunakan **Borang BK 1** dan bagi Perjalanan Luar Negeri staf hendaklah menggunakan **Borang BK 2** dalam 2 Salinan
 - i. 1 salinan - simpanan Fakulti/Bahagian
 - ii. 1 salinan - dihantar ke Pejabat Bendahari
2. Bagi Perjalanan Luar Negeri staf hendaklah mengisi **Borang A** dan mendapat Kelulusan Naib Canselor dan dalam 2 Salinan
 - i. 1 salinan - simpanan Fakulti/Bahagian
 - ii. 1 salinan - dihantar ke Pejabat Bendahari
3. Borang yang lengkap dan telah disahkan oleh Ketua Jabatan dihantar ke Pejabat Am di Fakulti/Jabatan masing-masing supaya dapat dikemukakan ke Pejabat Bendahari melalui No. Siri Permohonan Pembayaran.
4. Butir-butir yang perlu disertakan:-
 - (i) **Salinan Surat Arahan** bertugas atau Surat Pengesahan / Minit Arahan Ketua.
 - (ii) **Resit Tol** bagi perjalanan melalui lebuh raya bertol yang telah **disahkan**.
 - (iii) **Tiket Kapal Terbang dan Boarding Pass yang disahkan**.
 - (iv) **Resit teksi** bagi perjalanan **dari Lapangan Terbang** ke tempat bertugas/penginapan(pergi) dan bagi perjalanan **dari Lapangan Terbang** ke Ibu Pejabat/rumah (balik) yang **telah disahkan**.
 - (v) **Resit-resit dan bil-bil** yang telah **disahkan**.
 - (vi) **Slip bank** (jika Ada) semasa membuat pertukaran matawang asing.
 - (vii) **Salinan Surat Tawaran, Borang Pengesahan menghadiri dan aturcara kursus/seminar**.
5. Borang tuntutan hendaklah dikemukakan ke Pej. Bendahari dalam masa 14 hari selepas selesai bertugas rasmi.

RUJUKAN PEKELILING/SURAT PEKELILING /SURAT ARAHAN YANG TERLIBAT:

1. Pekeliling Perbendaharaan 3/2003
2. Pekeliling Perbendaharaan 2/2006
3. Perintah Am Bab "B"

3.2.2 Bayaran Elaun-elaun Kerana Menghadiri Kursus/ Seminar

- Pemakaian peraturan berkenaan bayaran elaun-elaun kepada staf kerana menghadiri kursus/ seminar adalah berdasarkan kepada Pekeliling Perbendaharaan Bil 3 Tahun 2005.
- Ia merangkumi perjalanan staf menghadiri kursus di dalam dan di luar negeri.

Dalam Negeri

- Menghadiri kursus/ seminar di dalam negeri terbahagi kepada:-
 - (i) Kursus Pendek
 - (ii) Kursus Panjang
 - (iii) Kursus Sambilan

3.2.2.1 Bagi seseorang staf yang **Menghadiri Kursus/Seminar Pendek Di Dalam Negeri di Luar kawasan Ibu Pejabat** berikut adalah kemudahan / elaun yang benar dituntut oleh staf iaitu:

- **Elaun Makan** dan jika perlu menginap **Bayaran Sewa Hotel** yang disokong dengan **resit** mengikut had maksimumnya atau Elaun Lojing bagi sepanjang tempoh kursus mengikut kadar seperti di **Jadual 5**, sekiranya kemudahan makan dan penginapan tidak disediakan oleh Kerajaan atau Penganjur;
- sekiranya salah satu kemudahan disediakan, maka unsur yang tidak disediakan itu layak dituntut. Sebagai contoh, sekiranya kemudahan penginapan sahaja disediakan, maka staf layak menuntut Elaun Makan. Sekiranya hanya sebahagian daripada kemudahan makan disediakan, hanya layak menuntut bahagian makan yang tidak disediakan itu tertakluk kepada kadar seperti berikut:

Sarapan Pagi	: 20%	Daripada Elaun Makan
Makan Tengah Hari	: 40%	Daripada Elaun Makan
Makan Malam	: 40%	Daripada Elaun Makan

- **Bayaran Sewa Hotel** yang disokong dengan **resit** mengikut had maksimum kelayakannya atau Elaun Lojing dan Elaun Makan/Elaun Harian bagi tempoh **dua hari** iaitu sehari

sebelum dan sehari selepas berkursus mengikut kadar dan syarat sepertimana yang diperuntukkan di dalam Pekeliling Bertugas Rasmi yang berkaitan. Bayaran perkhidmatan dan cukai perkhidmatan atau bayaran lain yang diwajibkan ke atas sewa hotel tersebut adalah layak dituntut dan dikira sebagai sebahagian daripada kadar Bayaran Sewa Hotel itu;

- Bagi maksud kenaikan perjalanan staf tersebut, Elaun Perjalanan Kenderaan atau Tambang Pengangkutan Awam seperti berikut:
 - (i) perjalanan pergi balik dari rumah kediaman ke Pusat Pengajian sekali sahaja. Sekiranya tempat penginapan tidak disediakan atau tiada keperluan untuk bermalam, jumlah perjalanan pergi balik dari rumah kediaman ke Pusat Pengajian sekali sehari tidak melebihi 6 hari;
 - (ii) seseorang staf yang disangkutkan ke sesuatu pejabat dan diarahkan oleh Ketua Jabatan/Pegawai Pemerintah itu bagi menjalankan tugas rasmi layak menuntut Elaun Perjalanan Kenderaan/Tambang Pengangkutan Awam mengikut kadar dan syarat sepertimana yang diperuntukkan di dalam Pekeliling Bertugas Rasmi yang berkaitan;
 - (iii) Elaun Perjalanan Kenderaan ini adalah tertakluk kepada syarat penggunaan kenderaan sendiri sepertimana yang diperuntukkan di dalam Pekeliling Bertugas Rasmi yang berkaitan;
 - (iv) seseorang staf yang menggunakan perkhidmatan pengangkutan awam adalah layak menuntut Tambang Pengangkutan Awam mengikut mana yang lebih murah dan yang sepatutnya dinaiki tertakluk kepada syarat seperti berikut:

Kereta Api	:	Penggunaan perkhidmatan kereta api adalah dibenarkan mengikut kelayakan sepertimana yang dinyatakan di dalam Pekeliling Bertugas Rasmi yang berkaitan.
------------	---	--

Kapal Terbang	<p>: - Penggunaan perkhidmatan kapal terbang adalah dibenarkan mengikut kelayakan sepertimana yang dinyatakan di dalam Pekeliling Bertugas Rasmi yang berkaitan.</p> <p>- Tertakluk kepada peraturan kelayakan menaiki kapal terbang yang digunapakai oleh UTM iaitu:</p> <p style="padding-left: 40px;">Gred 53 : Kelas dan ke Business atas</p> <p style="padding-left: 40px;">Gred 27 : Kelas sehingga Ekonomi 52</p> <p>- Cukai Lapangan Terbang layak dituntut.</p>
Lain -lain	<p>: Penggunaan perkhidmatan pengangkutan awam selain daripada yang dinyatakan di atas adalah dibenarkan dan tuntutan dibuat berasaskan kepada tambang lazim bagi satu perjalanan pergi dan balik sekali sahaja.</p>

- (v) Seseorang staf yang memilih untuk menggunakan kenderaannya sendiri layak menuntut Tambang Gantian bagi satu perjalanan pergi dan balik sekali sahaja bersamaan dengan tambang lazim perkhidmatan pengangkutan awam yang sepatutnya dinaiki mengikut kelayakan dengan syarat dinyatakan di dalam baucar tuntutan yang ia telah menggunakan kenderaannya sendiri; dan
- seseorang staf yang menuntut Tambang Gantian tidak layak menuntut apa-apa tambang atau apa-apa bayaran tambahan bersabit dengan perjalanan kapal terbang atau kereta api seperti tambang dari rumah ke lapangan terbang/stesen kereta api dan sebaliknya, tambang dari lapangan terbang/stesen kereta api ke tempat berkursus dan sebaliknya, bayaran Cukai Lapangan Terbang, bayaran tempat tidur dalam kereta

api (berth charges), bayaran tol dan sebagainya;

- Bagi seseorang staf yang **Menghadiri Kursus/Seminar Pendek Di Dalam Negeri Di Dalam Kawasan Ibu Pejabat** berikut adalah kemudahan / elaun yang benar dituntut oleh staf iaitu:
 - (a) Bayaran sebanyak RM15.00 sehari untuk hari-hari berkursus sahaja dengan syarat:
 - (i) kemudahan makan tidak disediakan oleh Kerajaan atau Penganjur; dan
 - (ii) kursus itu diadakan di luar bangunan/kompleks tempat biasa pegawai bertugas;
 - (b) Elaun Perjalanan Kenderaan atau Tambang Pengangkutan Awam seperti dinyatakan di bawah peruntukan Menghadiri Kursus/Seminar Pendek Di Dalam Negeri Di Luar Kawasan Ibu Pejabat - Elaun Perjalanan Kenderaan atau Tambang Pengangkutan Awam di atas.

3.2.2.2 Bagi seseorang staf yang **Menghadiri Kursus/Seminar Panjang Di Dalam Negeri Di Luar Kawasan Ibu Pejabat** tidak termasuk yang mengikuti kursus selain daripada yang diiktiraf sebagai kursus Diploma/Ijazah Pertama/Ijazah Lanjutan, berikut adalah kemudahan / elaun yang benar dituntut oleh staf iaitu:

- (a) Elaun Sara Hidup sebanyak RM25.00 sehari bagi sepanjang tempoh kursus tertakluk kepada syarat seperti berikut:
 - (i) pegawai tidak menerima Arahan Pertukaran; dan
 - (ii) kemudahan makan dan penginapan tidak disediakan oleh Kerajaan atau Penganjur;
- (b) Sekiranya salah satu kemudahan sahaja disediakan, maka elaun yang tidak disediakan itu layak dituntut mengikut pecahan unsur elaun iaitu 50% untuk

penginapan dan 50% untuk makan. Jika sebahagian daripada kemudahan makan disediakan, maka staf layak menuntut bahagian makan yang tidak disediakan itu mengikut kadar seperti berikut:

Sarapan Pagi	: 20%	Daripada Elaun Makan
Makan Tengah Hari	: 40%	Daripada Elaun Makan
Makan Malam	: 40%	Daripada Elaun Makan

- (c) Sekiranya Pusat Pengajian mengarahkan seseorang staf mengikuti kajian luar/latihan amali atau disangkutkan di pejabat di luar Pusat Pengajiannya, maka staf layak menuntut elaun, kemudahan dan bayaran mengikut kadar dan syarat seperti Menghadiri Kursus/Seminar Pendek Di Dalam Negeri Di Luar Kawasan Ibu Pejabat di atas. Dalam tempoh ini pegawai tidak layak menuntut Elaun Sara Hidup ini.
 - (d) Bayaran Sewa Hotel yang disokong dengan resit mengikut had maksimum kelayakannya atau Elaun Lojing dan Elaun Makan/Elaun Harian bagi tempoh dua hari iaitu sehari sebelum dan sehari selepas berkursus mengikut kadar dan syarat sepertimana yang diperuntukkan di dalam Pekeliling Bertugas Rasmi yang berkaitan. Bayaran perkhidmatan, cukai perkhidmatan atau bayaran lain yang diwajibkan ke atas sewa hotel tersebut adalah layak dituntut dan dikira sebagai sebahagian daripada kadar Bayaran Sewa Hotel itu.
 - (e) Elaun Perjalanan kenderaan atau Tambang Pengangkutan Awam adalah seperti Menghadiri Kursus/Seminar Pendek Di Dalam Negeri Di Luar Kawasan Ibu Pejabat di atas.
- Bagi seseorang staf yang **Menghadiri Kursus/Seminar Panjang Di Dalam Negeri Di Dalam Kawasan Ibu Pejabat**, berikut adalah kemudahan / elaun yang benar dituntut oleh staf iaitu:

- (a) Elaun Sara Hidup sebanyak RM15.00 sehari sepanjang kursus tertakluk kepada syarat seperti berikut :
 - (i) pegawai yang berkursus di dalam kawasan Ibu Pejabat; atau
 - (ii) pegawai dari luar kawasan Ibu Pejabat yang menerima Arahan Pertukaran; dan
 - (iii) kemudahan makan tidak disediakan oleh Kerajaan atau Penganjur; dan
 - (iv) kursus itu diadakan di luar bangunan/kompleks tempat biasa pegawai bertugas; dan
- (b) Elaun Perjalanan Kenderaan atau Tambang Pengangkutan Awam seperti Menghadiri Kursus/Seminar Pendek Di Dalam Negeri Di Luar Kawasan Ibu Pejabat, di atas.

3.2.2.3 Bagi seseorang staf yang **Menghadiri Kursus/Seminar Sambil Di Dalam Negeri Di Luar Kawasan Ibu Pejabat**, atas arahan Ketua Jabatan/ pegawai pemerintah kerana kepentingan perkhidmatan, berikut adalah kemudahan / elaun yang benar dituntut oleh staf iaitu:

- (a) bayaran sebanyak RM10.00 sehari bagi hari-hari berkursus sahaja yang mana unsurnya terdiri daripada RM5.00 untuk bantuan makan dan RM5.00 untuk bantuan perjalanan sekiranya kemudahan makan dan pengangkutan tidak disediakan oleh Kerajaan atau Penganjur; dan
 - (b) bagi tujuan menghadiri Kursus Sambil pegawai tidak layak menuntut Elaun Perjalanan Kenderaan atau Tambang Pengangkutan Awam; dan
- Bagi seseorang staf yang **Menghadiri Kursus/Seminar Sambil Di Dalam Negeri Di Dalam Kawasan Ibu Pejabat**, atas arahan Ketua Jabatan / pegawai pemerintah kerana kepentingan perkhidmatan, staf boleh menuntut bayaran sebanyak RM8.00 sehari bagi hari-hari

berkursus sahaja yang mana unsurnya terdiri daripada RM5.00 untuk bantuan makan dan RM3.00 untuk bantuan perbelanjaan perjalanan sekiranya kemudahan makan dan pengangkutan tidak disediakan.

Staf yang mengikuti Kursus Sambilan di dalam bangunan/kompleks yang sama tidak layak menuntut bayaran di atas.

Luar Negeri

- (i) Seseorang staf yang **berkursus pendek di luar negara** adalah layak menuntut elaun, kemudahan dan bayaran mengikut kadar dan syarat seperti di **Jadual 6** dan **Jadual 7**.
- (ii) had maksimum kadar Bayaran Sewa Hotel/Elaun Lojing yang layak dituntut bagi sepanjang tempoh kursus sekiranya kemudahan penginapan tidak disediakan adalah seperti berikut:
Kumpulan Pengurusan : Bilik Biasa
Tertinggi atau Yang Setara
Staf selain daripada di atas : Seperti di
atau Yang Setaraf **Jadual 7**.
- (iii) Bayaran perkhidmatan, cukai perkhidmatan atau bayaran lain yang diwajibkan ke atas sewa hotel tersebut adalah layak dituntut dan dikira sebagai sebahagian dari kadar Bayaran Sewa Hotel itu;
- (iv) sekiranya salah satu kemudahan sahaja yang disediakan, maka hanya unsur yang tidak disediakan itu layak dituntut. Sekiranya hanya sebahagian daripada kemudahan makan disediakan pegawai layak menuntut bahagian makan yang tidak disediakan itu tertakluk kepada kadar seperti berikut:-
Sarapan Pagi : 20% Daripada Elaun Makan
Makan Tengah : 40% Daripada Elaun Makan
Hari
Makan Malam : 40% Daripada Elaun Makan
- (v) Bayaran Sewa Hotel yang disokong dengan resit mengikut had maksimum kelayakannya atau Elaun Lojing dan Elaun Makan bagi tempoh dua hari iaitu sehari sebelum berkursus dan sehari selepas tamat kursus mengikut kadar dan syarat sepertimana yang diperuntukkan di dalam Pekeliling Bertugas Rasmi yang berkaitan. Bayaran Perkhidmatan, cukai

perkhidmatan atau bayaran lain yang diwajibkan ke atas sewa hotel tersebut adalah layak dituntut dan dikira sebagai sebahagian daripada kadar Bayaran Sewa Hotel itu;

- (vi) Elaun Pakaian Panas mengikut kadar dan syarat sepertimana yang diperuntukkan di dalam Pekeliling Bertugas Rasmi yang berkaitan;
- (vii) Bayaran pasport antarabangsa dan visa yang disokong dengan resit;
- (viii) Elaun Perjalanan Kenderaan atau Tambang Pengangkutan Awam seperti berikut:
 - a. perjalanan pergi balik dari tempat kediaman ke lapangan terbang, sekali sahaja;
 - b. perjalanan pergi balik dari lapangan terbang ke tempat penginapan, sekali sahaja;
 - c. perjalanan pergi balik dari tempat penginapan ke Pusat Pengajian sekali sahaja. Sekiranya tempat penginapan tidak disediakan atau tiada keperluan untuk bermalam, jumlah perjalanan pergi balik dari rumah kediaman ke Pusat Pengajian sekali sehari tidak melebihi 6 hari;
 - d. seseorang staf yang disangkut ke sesuatu pejabat dan diarahkan oleh Ketua Jabatan bagi menjalankan tugas rasmi layak menuntut Elaun Perjalanan Kenderaan atau Tambang Pengangkutan Awam mengikut kadar dan syarat sepertimana yang diperuntukkan di dalam Pekeliling Bertugas Rasmi yang berkaitan;
 - e. seseorang pegawai yang menggunakan perkhidmatan pengangkutan awam adalah layak menuntut Tambang Pengangkutan Awam seperti berikut:

Kereta Api	:	Penggunaan perkhidmatan kereta api adalah dibenarkan mengikut kelayakan sepertimana yang dinyatakan di dalam Pekeliling Bertugas Rasmi yang berkaitan.
Kapal Terbang	:	ii. Penggunaan perkhidmatan kapal terbang adalah dibenarkan mengikut kelayakan sepertimana yang dinyatakan di dalam Pekeliling Bertugas Rasmi yang berkaitan. iii. Tertakluk kepada peraturan kelayakan menaiki kapal terbang

		<p>yang digunapakai oleh UTM iaitu:</p> <p>Gred 53 dan ke : Kelas atas Business Gred 27 : Kelas sehingga 52 Ekonomi</p> <p>iv. Cukai Lapangan Terbang layak dituntut.</p>
Lain -lain	:	<p>Penggunaan perkhidmatan pengangkutan awam selain daripada yang dinyatakan di atas adalah dibenarkan dan tuntutan dibuat berasaskan kepada tambang lazim bagi satu perjalanan pergi dan balik sekali sahaja.</p>

- (ix) Walau apapun peruntukan di atas, seseorang staf yang mengikuti kursus di luar negara selama 14 hari atau kurang secara berterusan yang dikira berdasarkan hari berkursus, layak menuntut elaun, kemudahan dan bayaran di bawah Pekeliling Bertugas Rasmi yang berkaitan.
- (x) Seseorang staf yang mengikuti kursus panjang sama ada yang diiktiraf atau tidak sebagai kursus peringkat Diploma/ Ijazah Pertama/ Ijazah Lanjutan adalah tertakluk kepada peraturan yang berasingan yang ditetapkan dari semasa ke semasa oleh Kerajaan Persekutuan.

Senarai Semak

1. Perjalanan Dalam Negeri staf hendaklah menggunakan **Borang BK 1** dan bagi Perjalanan Luar Negeri staf hendaklah menggunakan **Borang BK 2** dalam 2 Salinan
 - i. 1 salinan - simpanan Fakulti/Bahagian
 - ii. 1 salinan - dihantar ke Pejabat Bendahari
2. Bagi Perjalanan Luar Negeri staf hendaklah mengisi **Borang A** dan mendapat Kelulusan Naib Canselor dan dalam 2 Salinan.
3. Borang yang lengkap dan telah disahkan oleh Ketua Jabatan dihantar ke Pejabat Am di Fakulti/Jabatan masing-masing supaya dapat dikemukakan ke Pejabat Bendahari melalui No. Siri Permohonan Pembayaran.
4. Butir-butir yang perlu disertakan:-
 - (i) Salinan Surat Arahan Berkursus atau *Surat Pengesahan /Minit Arahan Ketua*.
 - (ii) *Salinan Surat Tawaran Kursus dan Aturcara Kursus yang dihadiri.*
 - (iii) **Resit Tol** bagi perjalanan melalui lebuh raya bertol yang telah **disahkan**.
 - (iv) **Tiket Kapal Terbang dan Boarding Pass yang disahkan.**
 - (v) **Resit teksi** bagi perjalanan **dari Lapangan Terbang** ke tempat bertugas/penginapan(pergi) dan bagi perjalanan **dari Lapangan Terbang** ke Ibu Pejabat/rumah (balik) yang **telah disahkan**.
 - (vi) **Resit-resit dan bil-bil** yang telah **disahkan**.
 - (vii) **Slip bank** (jika Ada) semasa membuat pertukaran matawang asing.
 - (viii) Salinan Surat Tawaran, Borang Pengesahan menghadiri dan aturcara kursus/seminar.
5. Borang Tuntutan hendaklah dikemukakan ke Pej. Bendahari dalam masa 14 hari selepas selesai bertugas rasmi.

RUJUKAN PEKELILING/SURAT PEKELILING /SURAT ARAHAN YANG TERLIBAT:

1. Pekeliling Perbendaharaan 3/2005
2. Pekeliling Perbendaharaan 2/2006
3. Perintah Am Bab "B"

3.2.3 Kemudahan Pendahuluan Diri/Perjalanan dan Pendahuluan Pelbagai

3.2.3.1 Pendahuluan Diri/Perjalanan

- (i) Seseorang pegawai yang dikehendaki bertugas rasmi di luar Ibu Pejabat sama ada di dalam atau di luar negeri adalah layak memohon Pendahuluan Diri sebelum bertolak untuk menjalankan tugas rasminya tertakluk kepada syarat-syarat di Surat-Surat Pekeliling Perbendaharaan Bil. 2 Tahun 1990 dan Bil. 2 Tahun 1993 serta apa-apa peraturan yang dikeluarkan dari semasa ke semasa.
- (ii) Seseorang pegawai **tidak layak diberi** sebarang Pendahuluan Diri selanjutnya jika beliau **belum menjelaskan sepenuhnya sebarang Pendahuluan** Diri berkaitan dengan tuntutan perjalanan yang telah diluluskan kepadanya.
- (iii) Pemberian Pendahuluan Diri tidak boleh dianggap sebagai satu kelulusan bagi membuat perjalanan ke luar negeri.
- (iv) Seseorang pegawai yang berkursus di luar Ibu Pejabat sama ada di dalam atau di luar negara adalah layak memohon Pendahuluan Diri tertakluk kepada syarat sepertimana yang diperuntukkan di dalam Pekeliling Bertugas Rasmi yang berkaitan.
- (v) Bagi perjalanan dalam negeri jumlah yang diluluskan bagi wang pendahuluan perjalanan seseorang pegawai adalah seperti berikut:
 - Perjalanan Dalam : 90% Daripada jumlah
Negeri pendahuluan
perjalanan yang
dipohon
 - Perjalanan Luar Negeri : 100% Daripada jumlah
pendahuluan
perjalanan yang
dipohon
- (vi) Permohonan untuk pendahuluan hendaklah melalui Borang No. siri Permohonan Pembayaran setelah disah sokong/ oleh Ketua Jabatan dan dikemukakan kepada ke

Pejabat Bendahari sekurang-kurangnya 4 hari dari tarikh perjalanan.

- (vii) Jumlah tuntutan permohonan pendahuluan diri **tertakluk kepada anggaran hari-hari bertugas rasmi/ berkurus sahaja**, yang dibenarkan dipohon. Anggaran jumlah perjalanan/ perbelanjaan tidak termasuk hari perjalanan.
- (viii) Permohonan hendaklah disertakan bersama-sama surat panggilan mesyuarat/ surat arahan bertugas atau surat tawaran kursus/ seminar/ bengkel.
- (ix) Bagi perjalanan ke luar negeri yang tiket penerbangannya dibeli secara tunai staf perlu mengemukakan sebutharga tiket kapal terbang. Borang A hendaklah disertakan bagi memastikan perjalanan yang dilakukan mendapatkan kelulusan dari Naib Canselor Universiti.
- (x) Kadar had minima permohonan yang benarkan mengikut gred staf adalah seperti berikut:-

(i)	Tidak Kurang dari RM500.00	:	Gred 41 dan ke atas
(ii)	Tidak Kurang dari RM300.00	:	Gred 27 sehingga Gred40
(iii)	Tidak Kurang dari RM100.00	:	Gred 17 sehingga Gred 26
(iv)	Tiada had	:	Gred 1 sehingga Gred 16

Pelarasan Pendahuluan

- (i) Staf yang telah mendapat pendahuluan **bertanggungjawab sepenuhnya mengemukakan penyata perbelanjaan** dan dokumen berkaitan yang telah disahkan sebagai bukti pembayaran.
- (ii) Staf harus mengemukakan penyelarasan pendahuluan perjalanan **dalam tempoh masa 2 minggu selepas tarikh akhir perjalanan** dibuat, dan **memulangkan baki pendahuluan yang tidak digunakan**.

- (iii) Sekiranya staf gagal untuk membuat penyelarasan pendahuluan dalam tempoh yang disebut di atas, pemotongan gaji ke atas staf berkenaan akan dibuat bagi pendahuluan yang tidak diselesaikan.
- (iv) Staf yang menerima pendahuluan perjalanan harus mengembalikan wang pendahuluan jika sekiranya perjalanan dipinda melebihi sebulan atau dibatalkan.

PERINGATAN:

KAEDAH PEMOTONGAN GAJI STAF BUKANLAH PENYELESAIAN PENYELARASAN PENDAHULUAN STAF. SESEORANG STAF UTM YANG GAGAL MENGEMUKAKAN PENYELARASAN PENDAHULUAN DALAM TEMPOH 2 MINGGU DARI TARIKH AKHIR PERJALANAN BOLEH DIKENAKAN TINDAKAN TATATERTIB UNIVERSITI TEKNOLOGI MALAYSIA.

Pejabat Bendahari akan membayar baki perbelanjaan kepada pegawai sekiranya perbelanjaan perjalanan yang dilalui melebihi pendahuluan yang diterima.

3.2.3.2 Pendahuluan Pelbagai

Seseorang pegawai **tidak layak** diberi sebarang Pendahuluan selanjutnya jika beliau **belum menjelaskan** sepenuhnya sebarang Pendahuluan berkaitan dengan program yang telah diluluskan kepadanya.

Bagi pegawai yang diarahkan melakukan sesuatu tugas rasmi yang memerlukan wang pendahuluan bagi pelaksanaan tugasnya, pendahuluan pelbagai boleh dipohon mengikut syarat-syarat di bawah:-

- (i) seseorang staf adalah layak untuk memohon wang pendahuluan untuk sesuatu perbelanjaan dengan **tujuan yang dibenarkan sahaja.**
- (ii) Bagi pendahuluan pelbagai, pegawai yang dinamakan sebagai penerima cek bayaran adalah dipertanggungjawabkan untuk memastikan pendahuluan yang diterima

digunakan adalah untuk tujuan yang dinyatakan dengan jelasnya semasa permohonan dibuat.

- (iii) Permohonan pendahuluan yang dikemukakan hendaklah **disertakan perincian perbelanjaan yang bakal dibuat** bersama dokumen sokongan dari kertas kerja yang lengkap.
- (iv) Permohonan untuk pendahuluan hendaklah dikemukakan kepada Bendahari melalui Borang No. Siri Permohonan Pembayaran setelah disah/ sokong oleh Ketua Jabatan dengan dokumen permohonan pendahuluan sekurang-kurangnya tiga hari dari tarikh tujuan perbelanjaan.

Pelarasan Pendahuluan

- (i) Staf yang telah mendapat pendahuluan bertanggungjawab sepenuhnya mengemukakan penyata perbelanjaan dan dokumen berkaitan yang telah disahkan sebagai bukti pembayaran.
- (ii) Staf harus mengemukakan penyelarasan pendahuluan pelbagai **dalam tempoh masa 2 minggu selepas tarikh akhir program tamat, dan memulangkan baki pendahuluan yang tidak digunakan.**
- (iii) Sekiranya staf gagal untuk membuat penyelarasan pendahuluan dalam tempoh yang disebut di atas, pemotongan gaji ke atas staf berkenaan akan dibuat bagi pendahuluan yang tidak diselesaikan.
- (iv) Staf yang menerima pendahuluan pelbagai harus mengembalikan wang pendahuluan jika sekiranya program dipinda melebihi sebulan atau dibatalkan.

PERINGATAN:

KAEDAH PEMOTONGAN GAJI STAF BUKANLAH PENYELESAIAN PENYELARASAN PENDAHULUAN STAF. SESEORANG STAF UTM YANG GAGAL MENGEMUKAKAN PENYELARASAN PENDAHULUAN DALAM TEMPOH 2 MINGGU DARI TARIKH AKHIR PROGRAM/ AKTIVITI TAMAT BOLEH DIKENAKAN

TINDAKAN TATATERTIB UNIVERSITI TEKNOLOGI MALAYSIA.

Pejabat Bendahari akan membayar baki perbelanjaan kepada pegawai sekiranya perbelanjaan pelbagai yang dilakukan melebihi pendahuluan yang diterima.

3.2.4 Bayaran Elaun Pindah & Pertukaran

Bayaran Perpindah & Pertukaran Ke Luar Stesen

Terbagai kepada 3 bahagian utama iaitu:-

Pertukaran atau Perpindahan bagi Negeri di Semenanjung Malaysia, Sabah dan Sarawak.

Bayaran Pertukaran

Syarat-syarat Memohon

Seseorang staf yang bertukar ke Luar Stesen layak menuntut elaun, kemudahan dan bayaran bagi membiayai perbelanjaan pertukaran tersebut mengikut syarat-syarat dan kadar-kadar seperti berikut:-

- (i) Staf tidak akan dibayar sebarang perbelanjaan, bayaran tambahan atau kemudahan yang layak dituntut bersabit dengan pertukaran tersebut umpamanya perbelanjaan bagi menghantar barang-barang persendirian ke tempat selain daripada tempat bertukar.
- (ii) Staf layak menuntut perbelanjaan bagi mengangkut kenderaannya yang disokong dengan resit sebagai tambahan kepada tuntutan bayaran pertukaran tersebut apabila bertukar ke tempat-tempat yang tidak boleh dihubungi dengan cara berkereta.
- (iii) Tuntutan elaun pertukaran yang dibuat sebelum staf bertukar secara Pendahuluan diri boleh dibayar oleh Kementerian / Jabatan/ Agensi tempat bertugas lama. Bagi tuntutan pendahuluan diri ini hanya unsur-unsur ***Pemberian Pindahan, Elaun Gantian Makan dan had Bayaran Sewa Hotel yang setaraf dengan kelayakan staf sahaja*** yang boleh diambil kira. Seterusnya tuntutan tersebut hendaklah diselaraskan

- dengan tuntutan sebenar. Baki tuntutan ini seterusnya boleh dibayar oleh Kementerian/Jabatan/Agensi tempat bertugas baru. Tuntutan elaun/bayaran yang dibuat selepas bertukar boleh dibayar oleh Kementerian/Jabatan/Agensi tempat bertugas baru. Satu salinan borang tuntutan hendaklah dikemukakan ke Kementerian/Jabatan/Agensi tempat bertugas lama;
- (iv) Bagi staf yang bertukar secara berseorangan (tanpa membawa keluarga) hanya layak menuntut elaun pertukaran seperti had Bayaran Sewa Hotel, Elaun Gantian Makan dan Tambang Perjalanan atas kadar bujang (seorang) terlebih dahulu. Apabila keluarga staf datang kemudian, staf layak menuntut baki elaun yang sepatutnya dituntut. Jika pegawai dan isteri/suami adalah kakitangan Kerajaan/ Swasta, hanya salah seorang sahaja layak membuat tuntutan bayaran tersebut berdasarkan kepada kadar kelayakan staf atau kadar kelayakan isteri/suami staf, mengikut mana yang lebih tinggi;
 - (v) Bagi staf yang bertukar ke Luar Stesen adalah bermaksud staf yang bertukar, berpindah rumah dan mendiami rumah berkenaan sahaja, layak menuntut elaun pertukaran. Staf yang bertukar ke luar stesen tetapi tidak berpindah rumah hanya layak menuntut Elaun Perjalanan Kenderaan/Tambang Pengangkutan Awam bagi dirinya kerana melapor diri ke tempat bertugas baru, mengikut kelayakan di bawah Pekeliling Bertugas Rasmi yang berkaitan;
 - (vi) Seseorang staf yang bertukar dalam stesen tidak layak menuntut elaun, kemudahan dan bayaran bagi pertukaran tersebut;
 - (vii) Sekiranya bagi tujuan pengangkutan barang-barang melalui kapal laut hendaklah dengan menggunakan perkhidmatan syarikat-syarikat yang berdaftar dengan Kementerian Kewangan;
 - (viii) Bagi staf yang memohon sendiri untuk bertukar boleh dipertimbangkan bagi menuntut elaun, kemudahan dan bayaran pertukaran ***tertakluk kepada syarat dan peraturan yang ditetapkan oleh Jabatan Perkhidmatan Awam mengikut surat bil (30) dan (40) dalam JPA(S) 63/163 bertarikh 23 Ogos 1994 dan 10 November 1994 atau mana-mana peraturan lain yang akan dikeluarkan oleh Agensi Pusat dari semasa ke semasa.***

ELAUN-ELAUN

Elaun Gantian Makan

- a. Tuntutan Elaun Gantian Makan (EGM) adalah layak dituntut ***bagi tempoh tiga hari sebelum dan lima hari selepas*** bertukar, mengikut bilangan sebenar ahli keluarga staf sebenar EGM adalah mengikut kadar Elaun Makan dibawah Pekeliling Bertugas Rasmi seperti di atas.

Bayaran Sewa Hotel/Elaun Lojing

- a. Tuntutan had Bayaran Sewa Hotel (BSH) adalah layak dituntut bagi ***tempoh tiga hari sebelum dan lima hari selepas bertukar, mengikut bilangan sebenar ahli keluarga*** staf ***terhad kepada tidak melebihi 3 buah bilik*** sama ada bilik kelamin atau bilik bujang. Jika menggunakan bilik kelamin, staf selain staf daripada staf yang layak menuntut had Bayaran Sewa Hotel atas kadar sebenar yang berkaitan layak menuntut tambahan sebanyak 25% dari kelayakan staf. Tuntutan ini memerlukan staf ***mengemukakan resit/bil/invois***;
- b. Manakala tuntutan Elaun Lojing (EL) adalah layak dituntut bagi ***tempoh tiga hari sebelum dan lima hari selepas bertukar bagi diri staf sahaja***. Kadar had Bayaran Sewa Hotel dan Elaun Lojing adalah mengikut kelayakan staf di bawah Pekeliling Bertugas Rasmi yang berkaitan seperti di atas.

Tambang Pengangkutan Barang

Bagi pengangkutan barang-barang melalui jalan darat, tuntutan tambang dibuat mengikut jarak perjalanan sebenar atas kadar yang ditetapkan seperti yang dinyatakan di ***Jadual 8***.

- a. Tuntutan tambang pengangkutan barang-barang ***selain daripada perjalanan melalui jalan darat memerlukan staf mengemukakan resit/bil/invois***. Tuntutan sebenar yang disokong dengan resit/bil/invois bagi perjalanan melalui jalan laut adalah tertakluk kepada had muatan seperti berikut:-
 - (i) 1.84 meter padu (m.p) seseorang, bagi pegawai dan isteri/suaminya.

- (ii) 0.93 m.p. seorang, bagi anak-anak yang berumur 3 tahun dan ke atas dan seorang orang gaji.
 - (iii) 0.45 m.p. seorang, bagi anak-anak di bawah umur 3 tahun.
- b. Sebagai tambahan kepada perenggan (a) di atas, seseorang pegawai juga layak menuntut tambang pengangkutan barang mengikut muatan seperti berikut.
- 6.79 m.p. bagi pegawai berkeluarga
 - 3.39 m.p. bagi pegawai bujang

Sekiranya di mana-mana di dalam resit/bil/invois tersebut ***ada dicatatkan mengenai kos pengangkutan barang-barang yang termasuk unsur-unsur bungkus membungkus, bayaran buruh, bayaran stor, insuran dan perbelanjaan lain yang berkaitan yang perlu ditanggung oleh staf*** untuk mengemas dan menjaga keselamatan barang-barangnya maka staf ***tidak layak menuntut Pemberian Pindahan***.

Tambang Pengangkutan Awam/Elaun Perjalanan Kenderaan

Pegawai boleh menuntut tambang perjalanannya ***mengikut jarak perjalanan sebenar*** berdasarkan kelayakan Elaun Perjalanan Kenderaan atau Tambang Pengangkutan Awam seperti kelayakannya di bawah Pekeliling Bertugas Rasmi yang berkaitan.

Seseorang pegawai tidak layak menuntut mana-mana elaun, bayaran dan kemudahan bersabit dengan pertukaran tersebut jika kemudahan makan, penginapan, perjalanan dan pengangkutan barang-barang disediakan.

Tuntutan pertukaran hendaklah dibuat dalam tempoh enam bulan daripada tarikh melaksanakan arahan pertukaran tersebut.

BAYARAN PERPINDAHAN

Syarat-Syarat Memohon

Seseorang pegawai yang berpindah rumah layak menuntut elaun, kemudahan dan bayaran bagi membiayai perbelanjaan perpindahan rumah tersebut mengikut keadaan syarat-syarat dan kadar-kadar berikut:-

- a. Berpindah rumah dari rumah sendiri/rumah sewa/rumah Kerajaan ke rumah Kerajaan atau rumah yang sewanya dibayar oleh Kerajaan dan sebaliknya di dalam Stesen atas ***arahan pihak berkuasa tertentu***. Dalam hubungan ini, ***Stesen*** bermakna satu lingkungan kawasan 33 km dari rumah lama ke rumah baru;
- b. Bertukar ke luar Stesen tertakluk kepada syarat-syarat seperti dinyatakan dalam arahan bertukar atas arahan;
- c. Berpindah rumah dari rumah sendiri/rumah sewa/rumah Kerajaan ***ke rumah yang dibeli dibawah Skim Pinjaman Perumahan Kerajaan*** di dalam stesen, atas kadar dalam stesen sahaja tertakluk kepada syarat-syarat tertakluk kepada syarat seperti di atas.

Elaun-Elaun dan Kemudahan

- a. Tuntutan adalah tertakluk kepada syarat bahawa pegawai mendiami rumah tersebut;
- b. Pegawai tidak layak menuntut elaun, bayaran dan kemudahan bersabit dengan perpindahan rumah tersebut jika kemudahan makan, perjalanan dan pengangkutan barang-barang disediakan;
- c. Pegawai tidak layak menuntut elaun, bayaran dan kemudahan perpindahan rumah yang melibatkan perbelanjaan pengangkutan barang-barang misalnya perpindahan rumah antara blok dalam kompleks yang sama, hanya ½ atau 50% daripada bayaran penuh sahaja layak dituntut oleh pegawai;

Begitu juga, jika kemudahan pengangkutan barang-barang disediakan, pegawai hanya layak menuntut ½ atau 50% daripada bayaran penuh;

Sekiranya perpindahan rumah melibatkan perpindahan rumah antara tingkat dalam blok yang sama, tiada bayaran pindah akan diberikan;

- d. Tuntutan Elaun Bayaran Berpindah rumah hendaklah dikemukakan kepada Ketua Jabatan ***dalam tempoh tidak lewat daripada 3 bulan selepas tarikh*** perpindahan rumah dilakukan;

Bagi permohonan tuntutan elaun/bayaran dibawah para 4.1.2, Pekeliling Perbendaharaan Bil 4 Tahun 1995 iaitu ***"Berpindah rumah dari rumah sendiri/rumah sewa/rumah kerajaan ke rumah yang dibeli di bawah Skim Pinjaman Perumahan Kerajaan"*** adalah dirujuk.

Ketua Jabatan hendaklah memastikan bahawa peruntukan di perenggan 3.2 (iii) Surat Pekeliling Perkhidmatan Bil. 10 Tahun 1989 dipatuhi iaitu permohonan hendaklah dikemukakan di dalam tempoh tidak lewat daripada 3 bulan selepas tarikh perpindahan dilakukan. Permohonan yang dikemukakan selepas tempoh yang ditetapkan tidak layak dipertimbangkan dan perpindahan yang dikira bagi maksud tuntutan adalah merupakan perpindahan yang dilakukan selepas kelulusan pinjaman perumahan diperolehi.

(2) Pertukaran atau Perpindahan ke Selatan Thailand dan Kalimantan

Bagi tujuan tuntutan bayaran pertukaran atau perpindahan Selatan Thailand dan Kalimantan, Para 5, Pekeliling Perbendaharaan Bil. 4 Tahun 1995 adalah dirujuk.

(3) Perpindahan & Pertukaran Kerana Bersara.

Bagi seseorang pegawai yang telah memberi perkhidmatan yang sempurna dan bersara mengikut keadaan biasa atau bagi kes atas syor sebuah Lembaga Perubatan (Bab F) ***Perintah Am***, pegawai adalah ***layak untuk diberi pemberian perpindahan dan lain-lain elaun yang biasa boleh dituntut oleh seseorang pegawai yang***

bertukar, bagi diri dan keluarganya dari tempat akhir ia berkhidmat ke tempat yang dipilihnya untuk bersara di mana-mana sahaja dalam Malaysia.

Pemberian perpindahan diberikan berdasarkan *kepada gaji akhir pegawai.*

Senarai Semak

1. Borang BK. 3 (a) diisi dalam 2 salinan bagi Tuntutan Bayaran Pertukaran Stesen manakala Borang B.K. 3 (b) diisi dalam 2 salinan bagi Tuntutan Bayaran Perpindahan
 - 1 salinan disimpan di Fakulti/Bahagian
 - 1 salinan dihantar ke Pejabat Bendahari
2. Borang yang lengkap diisi dihantar ke Pejabat Am di Fakulti/Bahagian masing-masing untuk dihantar ke Pejabat Bendahari melalui No. Siri Permohonan Pembayaran.
3. Surat Arahan Bertukar bagi tuntutan pertukaran luar stesen.
4. Salinan surat kelulusan pinjaman perumahan kerajaan, salinan kelulusan sijil mendiami bangunan bagi tuntutan Perpindahan ke rumah di bawah SPPK.
5. Salinan Surat Nikah dan salinan Sijil Kelahiran Anak-anak
6. Resit pengangkutan barang-barang dan bil/resit/invois sewa hotel yang berkaitan.

RUJUKAN PEKELILING/SURAT PEKELILING/SURAT ARAHAN YANG TERLIBAT:

1. Pekeliling Perbendaharaan Bil. 4/1995
2. Surat Pekeliling Perkhidmatan Bil 10/1989
3. Surat JPA (S) 63/163/ (30) bertarikh 23/8/94
4. Surat JPA (S) 63/163/(40) bertarikh 10/11/94
5. Para 38, Perintah Am Bab B Jld. 1

3.3 Bayaran Elaun Pakaian

Secara umumnya, elaun pakaian yang benarkan dibayar kepada staf adalah tertakluk kepada pemberian **setiap 3 tahun sekali** dan hendaklah ia **direkodkan dalam Buku Perkhidmatan Staf**.

Sebanyak 5 kategori elaun pakaian yang dibenarkan iaitu:-

3.3.1 Pakaian Istiadat

- (i) Pakaian Istiadat adalah pakaian upacara rasmi yang direkabentuk khas untuk sesuatu perkhidmatan.
- (ii) Anggota perkhidmatan awam yang dikehendaki menghadiri Istiadat-istiadat tertentu layak diberikan bayaran elaun Pakaian Istiadat bernilai RM1,000.00.
- (iii) Tuntutan bayaran balik hendaklah disokong dengan maklumat mengenai jemputan upacara rasmi tersebut dan **resit**.
- (iv) Pegawai Perkhidmatan Awam yang mempunyai Pakaian Istiadat layak diberi Bayaran Pakaian Istiadat dan boleh memilih untuk menggantikannya dengan Bayaran Pakaian Menghadiri Upacara Rasmi.
- (v) Pegawai Perkhidmatan Awam yang tidak mempunyai Pakaian Istiadat **tetapi** dikehendaki Menghadiri Upacara Rasmi untuk menerima bintang atau pingat dalam Majlis-majlis Istiadat Pengurniaan Bintang dan Pingat sama ada peringkat Persekutuan atau Negeri layak diberi Bayaran Pakaian Menghadiri Upacara Rasmi.
- (vi) Pegawai Perkhidmatan Awam yang dikehendaki memakai Pakaian Istiadat semasa menghadiri upacara rasmi layak diberi Bantuan Bayaran Pakaian Black Tie.

3.3.2 Pakaian Menghadiri Upacara Rasmi

- (i) Pakaian Menghadiri Upacara Rasmi adalah Pakaian Kebangsaan Hitam atau *Dark lounge Suit* bagi lelaki atau pakaian yang bersesuaian bagi wanita semasa dikehendaki menghadiri upacara rasmi untuk menerima bintang atau pingat dalam Majlis-majlis Istiadat Pengurniaan Bintang dan Pingat Persekutuan atau Negeri.
- (ii) Anggota perkhidmatan awam yang dikehendaki menghadiri Upacara Rasmi seperti di atas layak diberikan bayaran elaun Pakaian Istiadat bernilai RM450.00.
- (vii) Tuntutan bayaran balik hendaklah disokong dengan maklumat mengenai jemputan upacara rasmi tersebut dan **resit**.

3.3.3 Pakaian “ Black Tie”

- (i) Pakaian “Black Tie” adalah pakaian separa rasmi barat yang dipakai untuk majlis makan malam rasmi tertentu.
- (ii) Anggota perkhidmatan awam yang dikehendaki menghadiri majlis di atas layak diberikan bayaran elaun Pakaian “Black Tie” bernilai RM750.00.
- (iii) Tuntutan bayaran balik hendaklah disokong dengan maklumat mengenai jemputan majlis tersebut dan *resit*.

3.3.4 Pakaian Panas kerana Bertugas/ Kursus di Luar Negeri

- (i) Pakaian yang perlu buat pegawai yang berkhidmat / dikehendaki bertugas rasmi/ kursus di Luar Negeri di negara/ kawasan beriklim sederhana, bermakna, negara/ kawasan yang terletak di Utara Garisan Sartan (Tropic of Cancer) dan negara/ kawasan yang terletak di Selatan Garisan Jadi (Tropic of Capricorn).
- (ii) Tetapi tidak termasuk pegawai yang berkhidmat di luar negeri yang tertakluk kepada arahan yang berasingan.
- (iii) Elaun ini hendaklah dituntut sebelum pegawai pergi ke luar negeri atau selewat-lewatnya tiga bulan selepas pulang dari luar negeri.
- (iv) Pegawai layak diberikan bayaran elaun Pakaian Panas bernilai RM1,500.00.

3.3.5 Pakaian Panas bagi staf yang bertugas di Bilik Komputer

- (i) Pakaian Panas bagi staf yang bertugas di Bilik Komputer bermaksud adalah elaun pakaian panas yang diberikan kepada staf yang diperlukan bertugas di Bilik Komputer yang harus diselenggarakan di paras suhu kurang dari 20° Celsius.
- (ii) Pegawai layak diberikan bayaran elaun Pakaian Panas bernilai RM150.00.
- (iii) Tuntutan bayaran balik hendaklah disokong dengan maklumat mengenai senarai tugas dan pengesahan/ sokongan Ketua Jabatan berkenaan bayaran tersebut dan *resit*.

RUJUKAN PEKELILING/SURAT PEKELILING/SURAT ARAHAN YANG TERLIBAT:

1. Pekeliling Perbendaharaan Bil. 3 Tahun 2003.
2. Pekeliling Perkhidmatan Bil 3 Tahun 1993.
3. Pekeliling Perkhidmatan Bil 3 Tahun 1993.(Kecuali Perenggan 3)
4. Pekeliling Perkhidmatan Bil 26 Tahun 2005

3.4 Bayaran Balik Perbelanjaan

Pelbagai pembayaran balik perbelanjaan layak dituntut oleh staf tertakluk kepada pemakaian prosedur / tatacara perolehan Universiti.

Ia perlulah disokong dan disahkan oleh Ketua Jabatan bagi maksud perbelanjaan tersebut iaitu haruslah tepat, benar dan mengikut keperluan yang munasabah.

Berikut adalah senarai beberapa bentuk perbelanjaan yang telah didahulukan oleh staf yang dibenarkan dituntut iaitu:-

3.4.1 Yuran Keahlian Badan Professional dan Iktisas

Ia adalah dibenarkan dituntut oleh staf tetap dan kontrak UTM tertakluk kepada syarat-syarat seperti berikut:-

- (i) Pegawai dikehendaki oleh sesebuah akta supaya mendaftar dengan lembaga berkaitan sebelum pegawai itu boleh menjalankan tugasnya.
- (ii) Pegawai hendaklah menjawat jawatan mengikut skim perkhidmatannya yang berkaitan.
- (iii) Yuran Keahlian Tahunan sahaja.
- (iv) Yuran tertakluk kepada keahlian/ keanggotaan Pertubuhan/ Badan Professional & Iktisas yang dibenarkan mengikut Pekeliling Perkhidmatan JPA yang digunapakai seperti di **Jadual 9** sahaja.
- (v) Yuran tahunan tertakluk kepada satu Pertubuhan/ Badan Professional sahaja pada sesuatu tahun.
- (vi) Tuntutan bayaran balik dengan mengemukakan resit yang telah didahulukan dan dibayar oleh staf.
- (vii) Pegawai harus mengemukakan Surat Permohonan Bayaran Balik Yuran Keahlian Professional yang disokong oleh Ketua Jabatan dan resit bayaran pertubuhan.

Senarai Semak

1. Surat Permohonan Bayaran Balik Yuran Keahlian Professional yang disokong oleh Ketua Jabatan.
2. Resit Asal pembayaran yuran tahunan keahlian/ pertubuhan pertubuhan.
3. Dokumen bayaran yang lengkap dihantar ke Pejabat Am di Fakulti/ Bahagian masing-masing untuk disah/sokong oleh Ketua Jabatan sebelum dihantar ke Pejabat Bendahari melalui Borang No. Siri Pembayaran.

Rujukan Pekeliling/ Surat Pekeliling/ Surat Arahan yang Terlibat

1. Pekeliling Pentadbiran Bil 6 Tahun 1991.
2. Pekeliling Perkhidmatan Bil 9 Tahun 1977.

3.4.2 Yuran Keahlian Kelab Rekreasi dan Sukan

Kuasa untuk meluluskan sumbangan kewangan kepada pegawai-pegawai yang memnuhi semua syarat mengikut peraturan-peraturan yang ditetapkan dalam panduan ini adalah diberikan kepada semua Ketua Jabatan diperingkat Fakulti/Bahagian(bermaksud Dekan dan Ketua Bahagian). Ketua Jabatan hendaklah meninmbangkan sesuatu permohonan dalam memastikan bahawa pemohon memenuhi syarat-syarat yang ditetapkan melalui Pekliling-pekelling Perbendaharaan yang dikeluarkan dari masa ke semana. Disamping menimbang kepentingan permohonan mengganggotai kelab rekreasi dan sukan berkenaan untuk mencapai keperluan, objektif dan matlamat organisasi serta tugas pegawai berkenaan itu memerlukan ia berinteraksi dengan rakan sejawatnya si sektor swasta.

Kelayakan

Ditetapkan bahawa pegawai Kumpulan Pengurusan tertinggi serta Kumpulan Pengurusan dan Professional yang tugasnya memerlukan interaksi dengan rakan sejawat si sector swasta dibenarkan membuat tuntutan sumbangan kewangan bagi bantuan bayaran / yuran masuk menjadi ahli salah sebuah kelab rekreasi dan sukan yang disenaraikan di **Jadual 10**.

Syarat-syarat

- (i) Sumbangan bayaran/ yuran masuk sebenar tertakluk kepada had maksimum RM 3,000.00 yang selebihnya ditanggung sendiri oleh pegawai.
- (ii) Pegawai tetap yang menerima gaji dan syarat-syarat-syarat perkhidmatan SSM.
- (iii) Pegawai atau isteri/ suami yang layak menerima kemudahan ini boleh membuat tuntutan yang berasingan.
- (iv) Tuntutan bayaran balik ini hendaklah disokong dengan resit pembayaran dan ia hanya diberikan hanya sekali sahaja dalam tempoh perkhidmatan pegawai dalam perkhidmatan kerajaan.
- (v) Tuntutan ini hendaklah direkodkan dalam Buku Perkhidmatan Staf berkenaan.

Senarai Semak

1. Menggunakan borang KEW 316/92 dalam 2 salinan
 - (i) 1 salinan - simpanan Fakulti/ Bahagian.
 - (ii) 1 salinan - dihantar ke Pejabat Bendahari

2. Borang yang telah lengkap dihantar ke Pejabat Am di Fakulti/ Bahagian masing-masing untuk disah/sokong oleh Ketua Jabatan sebelum dihantar ke Pejabat Bendahari melalui Borang No. Siri Pembayaran.

3. Dokumen sokongan yang diperlukan disertakan iaitu:-
 - (i) Resit-resit Asal pembayaran keahlian.
 - (ii) Surat perjanjian atau **Engagement Letter** keahlian kelab berkenaan.

Rujukan Pekeliling/ Surat Pekeliling/ Surat Arahan yang Terlibat

1. Pekeliling Perbendaharaan Bil 7 Tahun 1992
2. Pekeliling Perbendaharaan Bil 2 Tahun 1994
3. Kertas Kerja Jawatankuasa Tetap Kewangan Bil 3/1996.

3.4.3 Bayaran Perbelanjaan Keraian / Jamuan Tetamu

- (i) Perbelanjaan untuk meraikan tetamu luar/ pelawat rasmi yang telah didahulukan oleh staf.
- (ii) Tetamu yang dimaksudkan adalah individu yang memberi sumbangan dari khidmat ikhtisas dan kepakaran yang dimanafaat untuk kepentingan Universiti.
- (iii) Bayaran Perbelanjaan Keraian hendaklah munasabah dari segi bilangan pegawai yang diraikan dan bilangan pegawai yang meraikan(staf UTM).
- (iv) Bayaran Perbelanjaan hendaklah mengemukakan resit asal perbelanjaan yang disahkan oleh Dekan/ Ketua Pejabat sahaja.

3.4.4 Bayaran Keperluan Makmal Pelajar

Pelbagai jenis perbelanjaan keperluan makmal untuk pelajar yang telah didahulukan oleh staf untuk kegunaan/keperluan pembelajaran.

3.4.5 Dan lain-lain.

Pelbagai jenis pembayaran yang dibayar kepada staf yang telah mendahulukan wang sendiri bagi tugas rasmi dan tujuan perbelanjaan yang dibenarkan antaranya iaitu:-

- (i) Bayaran Balik Bil Perubatan Staf yang tertakluk kepada Skim Perubatan Staf Universiti Teknologi Malaysia yang dikeluarkan oleh Unit Pembangunan Sistem(UPS), Pejabat Pendaftar.
- (ii) Bayaran Balik Tiket Penerbangan jika tidak dibayar oleh UTM.
- (iii) Bayaran Balik pelbagai perbelanjaan program yang dibenarkan yang telah didahulukan oleh staf.

3.5 Bayaran Pelbagai Pendapatan Bukan Saraan

Pembayaran pendapatan bukan saraan adalah bayaran pelbagai pendapatan yang diterima oleh staf selain emolumen.

3.5.1 Bayaran Syarahan Sambilan

Bagi maksud menuntut bayaran suguhati pensyarah sambilan/penceramah sambilan/fasilitator sambilan seseorang staf haruslah mematuhi kadar-kadar dan syarat-syarat yang ditetapkan mengenainya seperti berikut:-

Kadar Bayaran Suguhati

Kadar bayaran suguhati kepada pensyarah/penceramah sambilan yang bukan terdiri daripada golongan pakar adalah seperti berikut:-

	Kategori Pensyarah/Penceramah/ Fasilitator Sambilan	Kadar Bayaran Sejam
i)	Kumpulan A	RM100.00
ii)	Kumpulan B	RM 80.00
iii)	Kumpulan C	RM 50.00
iv)	Kumpulan D	RM 40.00

3.5.2 Bayaran Fasilitator Sambilan

Kadar bayaran suguhati kepada pegawai yang memberi perkhidmatan sebagai fasilitator sambilan adalah ***ditetapkan sebanyak 3/4 daripada kadar kelayakan bayaran suguhati*** penceramah/pensyarah sambilan yang ditetapkan diperenggan 1(a) di atas iaitu seperti berikut:-

	Kategori Fasilitator Sambilan	Kadar Bayaran Sejam
i)	Kumpulan A	RM 75.00
ii)	Kumpulan B	RM 60.00
iii)	Kumpulan C	RM 37.50
iv)	Kumpulan D	RM 30.00

Syarat-syarat Bayaran Saguhati

Bayaran saguhati adalah tertakluk kepada syarat-syarat berikut:-

- a. Pegawai-pegawai *dari institusi latihan yang memberikan syarahan dalam kursus di bawah program latihan organisasi masing-masing adalah tidak layak dibayar* bayaran saguhati. (Pekeliling Perbendaharaan Bil. 5 Tahun 1995)
- b. Peraturan ini adalah terpakai bagi pegawai-pegawai kerajaan yang sedang berkhidmat bertaraf tetap atau kontrak;
